

'Itu rekod kebangsaan'

➲ Zaidatul
dakwa catatan
11.45s
di Pretoria sah

Oleh Mohd Khairie Khalid
khairie@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Atlet pecut negara, Zaidatul Husniah Zulkifli tetap percaya catatan 11.45 saat yang dilakukannya dalam acara 100 meter wanita pada Kejohanan Olahraga AGN League 7 di Pretoria, Afrika Selatan, Mac lalu adalah rekod kebangsaan.

Pelari berusia 24 tahun itu juga menegaskan ramai pihak sudah menyaksikan video la-

riannya itu dan masing-masing boleh menilai apa sebenarnya yang berlaku, namun dia tidak mahu terlalu memikirkan mengenai isu berkenaan.

"Saya tidak berani cakap perkara ini, sama ada ia membabitkan masalah teknikal ataupun tidak, tetapi saya tetap percaya ia adalah rekod kebangsaan."

"Ramai yang sudah lihat video saya berlari dan mereka boleh nilai sendiri, lagipun saya sendiri yang berlari dan tahu apa yang berlaku. Jadi buat masa ini lebih baik tunggu dokumen daripada penganjur dan selepas itu terserah kepada keputusan yang diambil," kata atlet itu ketika diminta mengulas mengenai kontroversi catatannya itu.

Tak ada rezeki

Dalam sidang media di Wisma Majlis Olimpik Malaysia (MOM) kelmarin, Presiden KOM, Datuk Karim Ibrahim



Ramai yang sudah lihat video saya berlari dan mereka boleh nilai sendiri, lagipun saya sendiri yang berlari dan tahu apa yang berlaku "

Zaidatul Husniah Zulkifli
Atlet 100m

mengesahkan bahawa badan induk itu masih belum dapat mengiktiraf catatan 11.45s yang dilakukan Husniah adalah rekod kebangsaan.

Katanya, KOM masih belum menerima dokumen daripada penganjur di Afrika Selatan sekaligus rekod kebangsaan acara itu masih menjadi milik G Shanti yang mencatat kepantasan 11.50s di Kuala Lumpur pada 7 Mei 1993.

Mengulas lanjut, Husniah yang beraksi di Sukan Olimpik Rio 2016 berkata, dia tidak akan berputus asa sekiranya catatan itu tidak diiktiraf, sebaliknya akan menjadi dorongan kepada dirinya untuk memecahkannya pada masa akan datang.

"Saya tak fikir sangat tentang perkara ini, kalau tak diiktiraf mungkin tidak ada rezeki tapi saya akan cuba lagi untuk buat yang terbaik. Saya mahu fokus kepada perkara lebih penting iaitu Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur, Ogos ini," katanya.